

# Laporan Kursus Conservation and Preservation di British Library, London

oleh  
Husin B. Leman\*

*Abstract: Under UNESCO's Participation Programme for 1985, Husin Leman was awarded a Fellowship to follow a course of training in Conservation of Library Materials at the British Library, London. He spent a month at the India Office Library and Records and another at the Department of Oriental Manuscripts and Printed Books. At both places he observed and practised various conservation techniques. It is hoped that the training and experience obtained during these two months will help in the conservation of delicate materials in the Library.*

Terlebih dahulu saya dengan rasa sukacita ingin merakamkan perasaan ucapan terimakasih kepada pihak United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dan Malaysian National Commission for Unesco kerana menawarkan saya anugerah Unesco Fellowship selama dua bulan bagi membolehkan saya mengikuti kursus 'Conservation and Preservation of Library Materials' di British Library, London.

Kursus dijalankan di dalam dua peringkat

- i) Peringkat Pertama di India Office Library and Records (IOLR) 18hb Mac 1985 – 12hb April 1985
- ii) Peringkat Kedua di Department of Oriental Manuscripts and Printed Books (DOMPB) 15hb April 1985 – 17hb Mei 1985

## India Office Library and Records (IOLR)

Untuk perhatian, IOLR adalah merupakan sebahagian daripada British Library. Pada keseluruhan, koleksinya merupakan rekod-rekod ketika benua kecil India di bawah jajahan British, manuskrip yang beraneka bentuk dan jenis, peta-peta, koleksi lukisan, buku-buku, bahan-bahan di dalam bentuk mikrofilem dan cap-cap mohor.

Setelah melaporkan diri di Unit Conservation, saya diperkenalkan kepada Ketua Conservatornya, Encik F. Marsh. Beliau memberi taklimat yang panjang lebar

sebelum diserahkan saya kepada Encik R.B. Jones yang merupakan jurutunjuk ajar di sepanjang saya berada di IOLR. Di antara kerja-kerja yang kerap dilakukan di Unit ini ialah

- 1) Traditional repair
- 2) Lamination
- 3) Heat set tissue repairs
- 4) Japanese tissue repair
- 5) Dioxidation of illuminated manuscripts
- 6) Seal conservation
- 7) Map repair

## Traditional Repair

Walaupun teknik pembaikan ini tidaklah merupakan asing bagi diri saya kerana saya pernah menjalani kursus pembaikan ini di Arkib Negara Malaysia, ada beberapa peringkat dari pandangan saya amatlah sesuai dilakukan mengikut cara mereka, misalnya menggunakan kain nylon yang dilekatkan pada sekeping papan plastik untuk melakukan pembaikan di halaman di sebelahnya adalah sangat elok dan mudah dikeringkan.

## Lamination

Pada keseluruhan kerja pembaikan ini dilakukan dengan menggunakan Ademco Dry Mounting Press. Cara ini saya rasa sangat mudah, cepat dan tidak merbahaya, tanpa menggunakan bahan kimia seperti Acetone.

\*Kerani, Bahagian Koleksi Kebangsaan.

### Heat Set Tissue Repairs

Pembaikan cara ini dilakukan kepada bahan-bahan manuskrip (kebanyakannya Oriental Manuscript) yang keadaannya agak uzur, mudah pecah, seringkali diserang kulat-kulat dan ditulis dengan dakwat yang beraneka jenis yang mana amat sensitif dan mudah luntur apabila terkena air.

### Japanese Tissue Repair

Pembaikan cara ini kurang dilakukan di sini tetapi jika terdapat manuskrip yang keadaannya terlalu uzur dan reput di samping tulisannya yang mudah luntur cara yang agak sesuai adalah dengan cara ini. Kerja pembaikan cara ini amatlah rumit dan perlukan kesabaran dan ketenangan.

### Map Repair

Pada umumnya kerja pembaikan peta ini menggunakan proses pembaikan cara tradisional, kecuali kerjanya rumit sedikit. Jika terdapat peta-peta tersebut mempunyai ukuran yang besar, kerjanya perlulah dilakukan di atas sebuah meja khas yang agak besar. Jika terdapat peta-peta yang uzur dan setengah bahagiannya terputus, kerja melekatkan kepada tempat asalnya perlulah berhati-hati dan setelah diperbaiki adalah elok dan sesuai menyimpan peta-peta tersebut dalam keadaan datar.

Di samping membuat kerja-kerja praktikal dengan cara-cara pembaikan yang telah saya sebutkan di atas tadi, saya juga ditunjuk-ajar cara melakukan proses deacidification dengan menggunakan gas. Cara ini hanya dilakukan pada dokumen-dokumen ataupun manuskrip yang tidak boleh terkena air sama sekali.

Di hari terakhir saya di IOLR saya dibawa melawat ke sekitar perpustakaan di samping melihat koleksinya.

### Department of Oriental Manuscripts and Printed Books (DOMPB)

Setelah hampir satu bulan saya di IOLR saya ditempatkan pula di Department of Oriental Manuscripts and Printed Books. DOMPB adalah juga sebahagian daripada British Library. Setelah melaporkan diri, saya diperkenalkan kepada Ketua Unit Conservation, iaitu Encik Peter Lawson. Beliau memberi penerangan yang panjang lebar berhubung dengan kerja-kerja pemuliharaan yang dilakukan di bahagiannya. Dari taklimat dan penerangan yang diberikan, terdapat perbezaan dari segi cara-cara pembaikan di antara IOLR dengan DOMPB. Ini kemungkinan kerana DOMPB lebih mengutamakan koleksi yang merupakan manuskrip. Di antara kerja-kerja pemuliharaan yang dilakukan di DOMPB ialah:

- i) Encapsulation
- ii) Repair of parabaik manuscripts
- iii) Palm leaf repair

### Encapsulation

Cara pembaikan ini adalah merupakan cara yang terakhir sekali yang boleh difikirkan bagi memelihara sesuatu bahan manuskrip yang keadaannya terlalu uzur. Cara melakukan kerja encapsulation ini berperingkat-peringkat iaitu bermula dengan pembersihan, meratakan dan seterusnya kerja menjahit dengan menggunakan mesin jahitan. Setelah halaman-halaman manuskrip tersebut dijahit di antara kepingan molinex, halaman tersebut bolehlah dijilid supaya kelihatan sempurna dan mudah disimpan.

### Repair of Parabaik Manuscripts


Pemuliharaan cara ini merupakan pembaikan manuskrip yang keadaannya berlipat-lipat (folded manuscripts) dan tulisannya pula mudah kembang apabila terkena air. Kerjanya amatlah rumit dan perlukan kesabaran dan minat. Pada peringkat awal, semua sylotape yang terlekat pada halaman manuskrip ditanggalkan. Kerja menanggalkan tape-tape ini perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya tidak menjejaskan tulisan di halaman tersebut. Saya juga ditunjuk ajar secara teori saja cara memperbaiki manuskrip yang ditulis pada kulit kayu dan haiwan serta berpeluang membuat praktikal PH test iaitu ujian untuk menentukan kandungan asid pada kertas.

### Palm Leaf Repair


Bagi memperbaiki manuskrip yang ditulis pada lontar (daun palma) perlulah berhati-hati sebab keadaannya yang mudah pecah dan patah. Ada tiga jenis daun palma yang kebiasaannya digunakan untuk ditulis

- a) Talipat
- b) Palmyra
- c) Lontar

Pada peringkat awal daun-daun manuskrip tersebut dinomborkan sebelum dipisahkan daripada ikatannya. Seterusnya dibersihkan dengan mengguna sejenis berus yang lembut sekali. Semua habok dan kekotoran yang melekat dikeluarkan sebelum dilakukan perendaman. Proses perendaman dilakukan dengan menggunakan distilled water (air sulim) yang dicampur dengan sedikit bahan detergent. Daun-daun palma direndam lebih kurang dua jam untuk menentukan kesemuanya betul-betul terendam. Setelah daun-daun tersebut betul-betul bersih ianya dikeluarkan dari basin perendaman dan dengan menggunakan



Sebuah manuskrip parabaik



Sebuah manuskrip lontar

kertas blotter, setiap helai daun dikeringkan sebelum ditekan (press).

Setelah daun-daun tersebut betul-betul kering baharulah boleh dilakukan kerja-kerja pembaikan kepada mana-mana daun yang diperlukan pembaikan. Di samping itu juga saya diberi peluang melawat Unit Jilidan, British Library dan ke Public Record Office yang jauhnya lebih kurang 15 batu dari DOMP B untuk meninjau kerja-kerja pemuliharaan yang dijalankan di kedua pusat tersebut.

Sebagai penutup saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terimakasih kepada Encik F. Marsh dan rakan-rakan sekerjanya di IOLR, Encik Peter Lawson dan rakan-rakan sekerjanya di DOMP B kerana kesudian, kesanggupan dan keikhlasan mereka menunjukajar saya kerja-kerja pembaikan di sepanjang kursus. Kepada Dr. Clement, Director

Preservation Services, British Library, Encik Bloomfield, Keeper DOMP B dan Director IOLR kerana kesanggupan menerima saya mengikuti kursus di sini. Kepada Puan C. Eadie, British Council Fellowship Unit dan Puan Normah Sheikh Abdullah saya tidak ketinggalan mengucapkan ribuan terimakasih. Kepada Universiti Malaya dan Perpustakaan, saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan terhutang budi kerana mengizinkan saya menghadiri dengan cuti bergaji penuh.

Buat mengakhiri laporan, saya berharap proses bagi menyediakan makmal pemuliharaan di Perpustakaan Universiti Malaya diperlengkapkan supaya segala pengalaman, pengetahuan dan semangat yang saya terima dapat digunakan untuk menyelamatkan bahan-bahan kajian yang bernilai seperti manuskrip yang ada dalam simpanan kita.